

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR
MAJLIS PENGIFTIRAFAN KOLEJ KEDIAMAN TANPA SAMPAH

Bismillahhir Rahmannir Rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia.

Yang Berbahagia, DATUK ILIYAS BIN IBRAHIM,
Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu,

Yang Berusaha, Tuan Yeo Boon Hai,
Ketua Pengarah DBKK,

Yang Berusaha, En. Joannes Solidau,
Timbalan Ketua Pengarah DBKK,

Encik Darwis Awang,
Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Malaysia Sabah,

Encik Mat Usup Hj. Rasid,
Pengurus Asrama mewakili Unit Perumahan,

Prof. Madya Dr. Piakong Mohd Tuah,
Pengetua Kolej Kediaman Indah Permai,

Kakitangan HEP Kolej Kediaman Indah Permai,

Felo staf dan felo pelajar, Kolej Kediaman Indah Permai,

Wakil MPP Universiti Malaysia Sabah,

Barisan kepimpinan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej

Kediaman Indah Permai sesi 2009/2010,

Barisan ahli jawatankuasa, serta mahasiswa dan mahasiswi Kolej Kediaman Indah Permai.

Terlebih dahulu saya ingin merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama pada hari ini bagi menyaksikan Majlis Pengiktirafan Kolej Kediaman Indah Permai Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai kolej kediaman tanpa sampah.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Datuk Iliyas Ibrahim, Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), kerana bersama-sama dengan kita pada saat ini bagi menyempurnakan majlis yang sememangnya memberi pelbagai impak terhadap kebersihan persekitaran sekaligus memberi inspirasi kepada seluruh warga Kota Kinabalu untuk terus meningkatkan tahap kebersihan dari semasa ke semasa.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada ahli jawatankuasa yang terdiri daripada gabungan pelajar-pelajar dan kakitangan UMS bersama pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu kerana telah menjayakan program ini dengan sempurna sekali.

Para hadirin sekalian,

Saya percaya program yang julung-julung kalinya diadakan di UMS ini pasti akan memberikan satu suntikan baru kepada mahasiswa Kolej Kediaman Indah Permai dan seluruh kolej-kolej kediaman yang lain untuk terus bergiatan aktif dalam memerangi aktiviti pencemaran dan pembuangan sampah di merata tempat. Bagi mahasiswa yang tinggal di kolej anda cukup bertuah kerana menjadi sebahagian daripada sejarah untuk membawa kolej ini sebagai kolej kediaman yang pertama di UMS yang diiktiraf sebagai kolej kediaman tanpa sampah. Anda bukan sahaja mengangkat nama Kolej Kediaman Indah Permai malah turut mengharumkan nama Universiti Malaysia Sabah secara keseluruhannya. Syabas dan tahniah diucapkan.

Saya secara peribadi sememangnya sangat gembira melihat pencapaian ini dan saya ingin menyeru agar seluruh kolej kediaman yang lain agar mencontohi kolej ini.

Malah saya juga beriltizam untuk memastikan seluruh kampus UMS mendapat pengiktirafan yang sama sekaligus mencapai status universiti tanpa sampah pula.

Sesungguhnya, keadaan persekitaran yang bersih dan ceria akan mampu memberi suasana yang segar dan nyaman. Keadaan seumpama ini merupakan asas kepada keselesaan dan pembangunan minda ke arah suasana pembelajaran dan sesi kuliah yang lebih berkesan. Dengan persekitaran yang bersih, maka kesihatan kita juga sentiasa terjamin dan bebas dari sebarang penularan penyakit. Justeru, Para pelajar mampu mendapat pelbagai input setiap kali menjalani sesi kelas dan tutorial.

Para hadirin sekalian,

Dalam jangka masa 25 tahun yang akan datang, kepesatan pertumbuhan populasi pastinya akan lebih tertumpu di kawasan Bandar. Pembangunan dan trend migrasi yang seumpama ini jelas mampu membawa kepada beberapa isu termasuklah isu longgokan sampah yang dibuang di merata tempat.

Hasilnya, Bandar-bandar menjadi penjana sampah yang terbesar seterusnya menghasilkan pencemaran alam sekitar. Oleh sebab itu, inisiatif-inisiatif yang dianjurkan oleh pihak DBKK ini sememangnya amat bertepatan untuk memberi kesedaran dan mendorong masyarakat untuk terus meningkatkan penjagaan kebersihan persekitaran.

Saya percaya ia akan menyedarkan orang ramai supaya mengamalkan pembuangan sampah yang betul dan mengurangkan penjanaan sampah melalui amalan-amalan kitar semula. Bayangkan, para hadirin sekalian, jika persekitaran kita dipenuhi dengan sampah-sarap. Ia bukan sahaja menyakitkan mata dan menyesakkan hidung malah, ia juga sekaligus menjaskankan kesihatan tubuh badan kita. Oleh yang demikian saya sangat menyanjungi usaha-usaha pihak DBKK yang sentiasa bertungkus-lumus memastikan kebersihan persekitaran Bandaraya Kota Kinabalu sentiasa terjaga dan bebas daripada pencemaran dan pembuangan sampah.

Para hadirin sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Datuk Iliyas Ibrahim, Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu kerana sudi meluangkan masa dengan kita pada hari ini sekaligus menyempurnakan majlis perasmian dan memberi pengiktirafan sebagai Kolej Kediaman Tanpa Sampah kepada Kolej Kediaman Indah Permai sebentar sahaja lagi. Kepada seluruh mahasiswa dan ahli jawankuasa pelaksana yang terlibat, syabas dan tahniah saya ucapkan. Semoga siswa siswi yang terlibat dapat menerapkan nilai tanggungjawab dan komitmen dalam apa jua bidang yang diceburi selaras dengan misi UMS untuk melahirkan graduan yang yang bukan sahaja cemerlang akademiknya tetapi seimbang dalam pembentukan sahsiah, intelek dan rohani mereka.

Sekian, Terima Kasih.